

**UNTUK EDARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENJELASAN LANJUT BERKENAAN  
PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021**

Lembaga Peperiksaan (LP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada laporan media berkaitan jumlah calon yang tidak menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021. LP ingin memaklumkan bahawa jumlah calon berdaftar bagi peperiksaan SPM 2021 adalah seramai **407,097** orang seperti pengumuman keputusan peperiksaan SPM 2021.

Bagi tujuan analisis keputusan peperiksaan SPM 2021, hanya 392,837 orang calon berdaftar yang diambil kira. Calon ini adalah mereka yang mendaftar kali pertama dan mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran.

Daripada jumlah tersebut, seramai **382,156** orang atau **97.28%** calon sekolah dan calon persendirian telah hadir menduduki peperiksaan. Jumlah calon yang tidak hadir pula adalah seperti berikut:

- i. seramai **9,037** orang atau **2.30%** adalah terdiri daripada calon sekolah KPM, calon sekolah agensi kerajaan, calon sekolah menengah agama negeri, calon sekolah swasta dan calon sekolah menengah agama rakyat; dan
- ii. seramai **1,644** orang atau **0.42%** adalah calon persendirian.

LP berharap penjelasan ini dapat memberi gambaran sebenar berkenaan jumlah calon yang tidak menduduki peperiksaan SPM 2021.

– TAMAT –

**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
16 JUN 2022**